

29 AUG 2003

PERDANA MENTERI LAWAT ISTANA KEADILAN

PUTRAJAYA, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat kompleks mahkamah Istana Keadilan bernilai RM270 juta yang dijangka siap tidak lama lagi.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, meluangkan masa lebih setengah jam meninjau kompleks berkenaan yang terletak di kawasan Dataran Putrajaya dan berhadapan Boulevard, iaitu kawasan utama yang akan dilalui peserta perarakan Hari Kebangsaan ke-46 Ahad ini.

Dr Mahathir diberikan taklimat mengenai perkembangan projek itu oleh Pengurus Besar Kanan Putrajaya Holdings Bhd Azlan Abdul Karim.

Istana Keadilan setinggi lima tingkat itu antara lain akan mengandungi Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

Ketua Hakim Negara Tan Sri Ahmad Fairuz Abdul Halim baru-baru ini berkata beliau bercadang berpindah ke kompleks tersebut Oktober ini.

-- BERNAMA

SHI MAM LAT